The maintenance margin is part of the initial margin. If the market moves against a position and the equity level drops to or under the maintenance margin level, the broker must make a margin call on his customer to restore the level of the initial margin. All losses must be covered in cash before trading begins the next day.

In the case of individual speculators, the Exchange may decide to maintain margins at levels higher than those proposed above (say, 1 1/2 times more).

(The Clearing House reserves the right to increase the level of margins in light of prevailing price volatility).

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 23/7/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Tiada masalah urus pasaran derivatif

KUALA LUMPUR 22 Julai - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak menghadapi masalah dalam usaha untuk membangunkan pasaran derivatif tempatan memandangkan rakyat negara ini mampu membabitkan diri dalam industri tersebut.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Malaysia mempunyai tiga pasaran hadapan iaitu Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) dan Bursa Kewangan Malaysia (MME) yang memainkan peranan penting dalam membangunkan pasaran modal dan kewangan tempatan.

Peranan yang dimainkan oleh tiga pasaran berkenaan ialah dengan memperluaskan pasaran, menambah instrumen dagangan, melindungi nilai aset dan tanggungan, meningkatkan pulangan pelaburan, membolehkan pelbagai strategi dagangan pengurusan risiko atau pelaburan serta meningkatkan kemahiran peserta pasaran, ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai dakwaan Lim bahawa Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah gagal menjalankan pengurangan perbelanjaan kerana membuat bayaran yang tinggi kepada Pengarah Eksekutif daripada luar negara yang tidak sepadan dengan jumlah urusan yang dijalankan, kata Anwar:

"SC tidak mempunyai Pengarah Eksekutif dari luar negara, malahan tidak seorang pun ekspatriat yang telah diambil untuk bekerja di SC.

"Pengerusi-pengerusi Eksekutif BSKL, KLOFFE dan MME yang dilantik dengan persetujuan kerajaan adalah dari kalangan rakyat Malaysia."

Bagaimanapun, kata Anwar, Ketua Pegawai Operasi di KLOFFE masih diisi oleh pegawai eksekutif ekspatriat sehingga rakyat Malaysia mengambil alih jawatan itu.

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 23/7/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Pasaran hadapan Malaysia dijangka lebih kukuh

KUALA LUMPUR 22 Julai - Pasaran Hadapan Malaysia dijangka lebih kukuh dan membangun dari segi perkhidmatan serta produk ekoran cadangan Bursa Kewangan Antarabangsa Singapura (SIMEX) untuk memperkenalkan kontrak indeks ekuiti yang berdasarkan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Mohd. Azlan Hashim berkata, cadangan itu akan mewujudkan persaingan sihat dan BSKL tidak gentar menghadapinya malah merupakan satu inspirasi untuk lebih berjaya bagi mencapai objektif.

"Kita tidak perlu takut dengan persaingan itu dan sekiranya terdapat kelemahan, kita akan cuba perbaikinya.

"Kita perlu tunggu dan lihat akan keberkesanan kontrak baru itu dan apabila mereka memulakan dagangan, kita perlu mengkajinya terlebih dahulu," katanya kepada para pemberita pada sidang akhbar selepas majlis perjanjian penjualan dan pembelian antara BSKL dan KLOFFE Capital Sdn. Bhd., bagi pengambilalihan operasi KLOFFE oleh BSKL di sini hari ini.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah wakil pemegang saham KLOFFE dan juga Pengarah Rashid Hussain Bhd., (RHB), Seah Fook Chin dan Ketua Pegawai Operasi New Straits Times (M) Bhd., (NST), Faiz Ishak.

Ketua Pegawai Operasi KLOFFE, John Duggan yang mengulas cadangan SIMEX untuk memperkenalkan kontrak indeks ekuiti yang berdasarkan kepada BSKL adalah sebagai mengecewakan dan bermusuhan.

Di samping itu, beliau mentafsirkan bahawa langkah SIMEX itu juga mirip kepada permusuhan serta untuk mengaut keuntungan daripada usaha KLOFFE yang sebelum ini bertungkus-lumus selama dua setengah tahun mendapatkan

keyakinan dan penyertaan pelabur runcit tempatan serta pelabur institusi tempatan.

Selain itu, pengambilalihan ekuiti 100 peratus KLOFFE oleh BSKL bernilai RM35 juta turut membabitkan empat pemegang sahamnya iaitu RHB., Renong Bhd., HLG Capital Bhd., dan NST.

Azlan berkata, sebuah suruhanjaya bagi pembangunan produk dijangka ditubuhkan di KLOFFE untuk memudahkan usaha memperkenalkan perkhidmatan dan produk derivatif baru di pasaran.

"Suruhanjaya itu akan membuat kajian bagi memperkenalkan lebih banyak produk serta perkhidmatan dan ia dijangka selesai dalam jangka masa tiga bulan.

"Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang perlu mereka buat kita akan menghantar cadangan tersebut kepada pihak berkuasa," jelas beliau lagi.

Beliau berkata, selepas pengambilalihan tersebut, KLOFFE akan meneruskan operasinya tanpa sebarang perubahan malah dalam jangka masa panjang ia akan memberi keuntungan kepada KLOFFE.

UM 23/7/98

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 31/7/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

BKKL, MME bergabung Oktober ini

KUALA LUMPUR 2 Julai - Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) akan bergabung dengan Bursa Kewangan Malaysia (MME) Oktober ini, kata Pengerusi Eksekutif MME, Datuk Syed Abdul Jabbar Shahabudin.

Katanya, pasukan petugas yang dipengeruskannya sedang mengkaji butiran terperinci penggabungan itu, sambil menambah isu utama ialah keanggotaan.

BKKL dan MME mempunyai 18 anggota gabungan.

"Bagaimanapun, pemilikan bukan satu masalah kerana MME adalah anak syarikat BKKL," beliau memberitahu pada seminar bertajuk "Menangani Kadar Faedah dan Risiko Mata Wang." di sini hari ini.

Keratan akhbar

Utusan Express : 31/5/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

MME Helps Small Financial Institutions To Set Up Derivatives Expertise

KUALA LUMPUR May 30 - The Malaysia Monetary Exchange (MME) in an effort to help develop the derivatives market, has helped four financial institutions set up a derivatives division within their organisations.

"We have subsidised the cost of setting up this division in EON Bank Bhd, Bumiputra Merchant Bankers Bhd and Credit Corporation (Malaysia) Bhd," said Mohd Azwar Mahmud, MME's general manager.

He told Bernama recently that the MME has identified 10 financial institutions which have shown interest to develop the derivatives expertise in their organisation.

"We are going out of our way to help these institutions to set up a derivatives division including training of their staff in derivatives trading," said Azwar, adding that major banks have remained complacent towards developing the expertise in derivatives trading.

"The MME needs these major banks like Malayan Banking Bhd, Public Bank Bhd and Bank of Commerce Bhd to assume a market leadership role," he said.

Azwar also pointed out that Malaysia was losing out to Singapore in terms of its attractiveness as a location for multinational corporations (MNCs) to set up their regional treasury centres.

He said according to a survey conducted by the Singapore Foreign Exchange Market Committee, MNCs have substantial currency exposures to the US dollar, yen, mark, sterling and regional currencies like the Hong Kong dollar and Australian dollar.

"What was most disturbing is that MNCs, while operating in Singapore and having its subsidiaries in Malaysia, have large exposures in the Malaysian ringgit.

"They are managing their ringgit exposures offshore, not from here," said

Azwar pointing out that MNCs chose Singapore because its financial institutions had a strong regulatory framework and offered sophisticated financial products.

He explained that MNCs were concerned about the depth, sophistication and efficiency of the local foreign exchange market.

While saying that Malaysia was paying the price for lack of financial risk intelligence, Azwar added: "We have ourselves to blame for not being in tune with market needs."

Meanwhile, the MME celebrated its second anniversary on May 28, 1998 but its "performance has been pathetic in terms of volume", said Azwar, adding that the exchange is suffering from an urgent lack of participation.

He added that MME has, however, emerged as a centre of efficient pricing (spreads between bids and offers are narrow) and had depth (participants have actually hedged three years forward up to the year 2001).

Open positions hover around 3,000 contracts valued at some RM3 billion, said Azwar who is optimistic that MME will develop further if the volume picks up.

"This present crisis should create an awareness among users and would-be-users, to use MME as a risk management tool," he added.

1101 EXPRESS
20/5/98

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 30/5/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Syarikat harus agresif lindung nilai

KUALA LUMPUR 29 Mei - Syarikat-syarikat korporat tempatan harus lebih berani dan agresif dalam mengamalkan teknik lindung nilai bagi mengelakkan kerugian lanjut akibat kemudahrupaan pasaran mata wang.

Pengurus Besar Bursa Kewangan Malaysia Bhd. (MME), Mohd. Azwar Mahmud berkata, krisis mata wang yang melanda rantau ini sejak Julai lalu telah menunjukkan bahawa amalan lindung nilai semulajadi yang pasif tidak lagi mencukupi bagi meminimumkan risiko.

"Kita boleh melaksanakan teknik lindung nilai yang lebih agresif bagi melindungi imbangan kira-kira, ada cara untuk melakukannya," katanya.

Beliau berkata, krisis mata wang telah meningkatkan kesedaran korporat mengenai perlunya menjalankan mekanisme lindung nilai yang diamalkan setiap masa.

"Kita akan dihukum oleh kemudahrupaan pasaran jika kita tidak menyesuaikan diri dan berubah," katanya kepada pemberita selepas pembukaan Kolokium Bendahari Korporat di sini hari ini.

Kolokium setengah hari itu dianjurkan oleh MME dengan kerjasama Persatuan Bendahari Korporat Malaysia bertujuan meningkatkan kesedaran korporat terhadap pengurusan risiko dan memberi panduan bagi merangka langkah lindung nilai yang berkesan.

Menurutnya, sehingga sekarang, apa yang dibuat oleh kebanyakan syarikat korporat tempatan ialah tindakan reaktif iaitu kawalan kerosakan walaupun mereka sedar tentang keperluan lindung nilai.

"Apa yang perlu dilakukan ialah menukar kesedaran itu menjadi amalan."

Katanya, perkara utama yang menghalang syarikat-syarikat korporat melabur dalam mekanisme lindung nilai sebelum ini ialah pelaburan permulaan yang agak besar.

Masalah itu, tambahnya, boleh diatasi dengan kerjasama antara MME dan sebuah perunding luar yang akan mengadakan rundingan secara berkumpulan.

Mohd. Azwar berkata, MME sedia menimbang bagi menjalankan operasi di Labuan, jika ia difikirkan perlu.

UNI
30/5/98

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 6/4/98

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Syor industri derivatif tinjau kerjasama serantau

KUALA LUMPUR 5 April - John Duggan, Ketua Pegawai Operasi Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur, mencadangkan agar industri derivatif tempatan mengkaji sama ada ia boleh mendapat manfaat daripada sebarang kerjasama serantau.

Beliau berkata industri derivatif global sedang mengalami pelbagai perubahan, dan sempadan antarabangsa semakin mengecil.

"Bursa-bursa terus bercakap mengenai kerjasama yang lebih erat (dalam situasi domestik dengan kajian dijalankan bagi kemungkinan penggabungan) dan fungsi penyelesaian tidak lagi boleh dilihat sebagai hak sesuatu bursa sahaja," katanya dalam sidang pengarang dalam terbitan Mac Buletin KLOFFE.

"Dalam suasana Malaysia, melalui pespektif penyelesaian, kami menyaksikan penggabungan Rumah Penyelesaian Derivatif Malaysia (MLD'H) dan Perbadanan Penyelesaian Hadapan Malaysia (MFCC).

"Badan penyelesaian yang baru ini sekarang bertindak sebagai sebuah rumah penyelesaian bagi tiga bursa derivatif Malaysia. Sebab utama adanya hanya sebuah rumah penyelesaian di Malaysia adalah bagi mengurangkan kos operasi dan bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap bagi ahli," katanya.

Logik yang sama mungkin boleh diteriniapakai bagi mengadakan sistem yang sama pada peringkat serantau.

"Kemungkinan penubuhan rumah penjelasan rantau Asean akan terbukti berfaedah dalam usaha pemusatan perkhidmatan penyelesaian dan membolehkan penggunaan kolateral ahli secara yang lebih cekap," katanya.

Keratan akhbar

Utusan Express : 16/8/97

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Duggan Sees Increased Interest In KLCI Futures As Hedging Instrument

KUALA LUMPUR Aug 15 - An increase in interest in the Kuala Lumpur Composite Index (KLCI) futures as a hedging instrument is expected mainly because investors want to protect themselves from uncertainty in the stock market.

"I know there is a lot of uncertainty (in the stock market)... the more uncertainty, the more reason they (investors) will hedge", said John Duggan, chief operating officer of the Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFFE).

Duggan said because of the volatile equity market, Malaysian institutional investors should increase their participation in the KLCI futures, which is the only product traded on KLOFFE.

He said KLOFFE will benefit the Malaysian institutional investors who now account for only two percent of the overall volume, adding that he hopes the figure will increase to 30 percent.

The futures market will be more volatile in the near term, he told Bernama after his presentation at the Third Malaysia Capital Growth Opportunities Exposition here.

"At the moment, the stock market goes up, but for how long," he said, explaining the rationale and importance for investors to hedge their positions.

He said foreign investors are still supportive of the futures market but the percentage of their participation has dropped to 39 percent up to August 8 this year from 52 percent last year.

"However, I expect them to return because the more liquid the market the more they will get involved", he said.

"Although the percentage has dropped, the number of contracts transacted by them (foreign investors) still remains the same", he said, adding that retail

investors have increased their presence to 33 percent from 18 percent in the same period.

He said he is satisfied with where the futures market stands now. "We have a very strong and vibrant market ... no spectacular volume but it is solid."

The important thing for KLOFFE is to build on a solid base, strong in terms of regulative perspective and financial integrity.

"These are the ingredients. I think if combined with patience and education, that will see KLOFFE developing into a very strong regional player", he said.

UHF EXPRESS

16/10/97

Keratan akhbar

Utusan Express : 18/7/97

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Financial Institutions Should Seek Cover From MME: Syed Jabbar

KUALA LUMPUR July 17 - Financial institutions should make use of the Malaysia Monetary Exchange (MME) to cover their interest rates risk and not view the current rising interest rates as an environment to reap good margins, MME executive chairman Datuk Syed Abdul Jabbar Shahabudin said today.

"Some financial institutions are viewing the significant upward movement of interest rates, amid a liquidity squeeze, as a predictable phenomenon and feel that there is no urgency to hedge their underlying portfolio.

"The sudden increase in interest rates over the past few days has proven otherwise," he said, adding that having such an exposure can have an impact on margins.

He told Bernama that against the backdrop of market globalisation and increased competition, financial institutions have to be more pro-active in managing their financial risks in order to protect their margins.

The MME, launched on May 28, 1996, is the only exchange to offer a hedging instrument on ringgit interest rates.

"The three-month Klibor contract can be used to cover interest rates risk at the short end of the yield curve and is an efficient means of hedging the entire range of ringgit-denominated money market instruments and other forms of ringgit exposure," Syed Abdul Jabbar said.

He added that corporations who are net borrowers must take the opportunity to lock in or fix their borrowing rates via the three-month KLibor futures or products like interest rate swaps and forward rate agreements.

Rising interest rates have spurred activity on the MME of late, with turnover hitting a record high of 2,038 lots on July 10.

The recent market rally on the MME was prompted by Bank Negara's constant mopping up exercise the past few weeks, which culminated in a tight liquidity

situation thereafter.

As a result, inter-bank interest rates have shot up to historic levels with overnight money being traded as high as 20 percent.

Syed Abdul Jabbar added that participation in the three-month KLibor futures contract has improved tremendously with participants more confident of the MME.

"Since the beginning of escalating interest rates on the cash market, the number of participants has increased on the MME, mainly taking on selling positions in anticipation of Bank Negara's non-intervention stance on the dollar/ringgit front," he added.

Market participants comprise commercial and merchant banks, discount houses, finance companies and Cagamas, the national mortgage corporation.

These institutions usually bid for funds or offer to lend from or to each other in the interbank money market through money brokers and at times directly.

As the rate is arrived at objectively, the Kuala Lumpur Interbank Offered Rates (KLIBOR) is used by some banks as a benchmark for pricing loans to corporate bodies.

16/7/87

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 20/5/97

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

MDCH jadi rumah penjelasan bersama

KUALA LUMPUR, 19 Mei_Rumah Penjelasan Derivatif Malaysia (MDCH) akan disusun semula menjadi rumah penjelasan bersama bagi menjelaskan semua kontrak derivatif yang diniagakan di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE), Bursa Kewangan Malaysia (MME) dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE).

Sebuah memorandum persefahaman (MOU) untuk membentuk rumah penjelasan bersama ditandatangani di sini hari ini antara ketiga-tiga bursa itu dengan dua pusat penjelasan MDCH dan Perbadanan Penjelasan Pasaran Hadapan Malaysia (MFCC).

Ketika ini, kontrak hadapan kewangan di KLOFFE dan MME dijelaskan melalui MDCH, manakala kontrak hadapan komoditi yang diniagakan di KLCE dijelaskan menerusi MFCC.

Dalam satu kenyataan, MDCH menyatakan satu pasukan khas sudah dibentuk untuk memudahkan proses penyusunan semula yang diharap dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini.

Rumah penjelasan bersama itu akan memberi keuntungan bagi tempoh jangka panjang dan jangka pendek kepada industri berkenaan, yang antara lainnya termasuk kemudahan pengurusan berisiko terpusat kepada anggota-anggota bagi lebih daripada satu bursa derivatif, kos operasi rendah dan permintaan pakejan seragam yang lebih dan pematuhan prosedur bagi anggota penjelasan. "Ia, sebagai pulangan, akan membantu dalam memperkenalkan pasaran derivatif yang lebih efisien di Malaysia," menurut kenyataan itu sambil menambah pasukan berkenaan sudah bertemu untuk membincangkan syarat-syarat awal rujukan untuk menubuhkan rumah penjelasan, termasuk struktur pemilikan, struktur lembaga dan falsafah korporat.

Pasukan khas itu terdiri daripada wakil-wakil bursa derivatif, MDCH, MFCC dan anggota-anggota penjelasan serta dipengerusikan oleh pegawai kanan Suruhanjaya Sekuriti.

Pasukan itu sudah menubuhkan jawatankuasa pelaksanaan yang akan

melaksanakan keputusan serta membuat pemindaan terhadap isu-isu dasar khas seperti kemasukan sebagai anggota asal K.L.C.E ke rumah penjelasan bersama, pengurusan berisiko dan penjelasan kontrak hadapan oleh rumah penjelasan bersama.

Menurut kenyataan itu, penyusunan semula MDCH, yang menjadi minat kepada semua kumpulan dalam industri itu akan diambil kira dan disesuaikan sebaik mungkin.

"Pemindahan seterusnya aset dan kedudukan terbuka dari MFCC ke MDCH akan dipermudahkan untuk meminimumkan kesan gangguan terhadap keseluruhan industri itu," tambah kenyataan itu.

UIM

20/5/97

Keratan akhbar

Utusan Malaysia : 3/3/97

Edisi internet : <http://www.utusan.com.my>

Kaedah gerakkan pasaran derivatif

KUALA LUMPUR 2 Mac - Perbincangan sedang berjalan antara Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) untuk memperkenalkan kaedah menggerakkan pasaran yang akan mempertingkatkan lagi mudah tunai di pasaran derivatif.

Cadangan oleh KLOFFE itu, yang akan dikemukakan kepada SC tidak lama lagi, akan diguna pakai kepada kontrak opsyen, di pasaran hadapan dan juga dalam saham-saham individu, pengerusi SC, kata Datuk Dr. Mohd. Munir Abdul Majid.

Aktiviti menggerakkan pasaran adalah menggalakkan di Bursa Kewangan Malaysia dengan urus niaga oleh pendergk pasaran menyumbang 46 peratus daripada jumlah dagangan di dalam kontrak hadapan tiga bulan KLIBOR tahun lalu, tambahnya.

Munir membentangkan kertas kerja mengenai "Cabaran yang Mendepani Bursa-Bursa Derivatif di Pasaran Sedang Muncul" pada Sidang Meja Bulan Pengurusan Risiko IFCI ketiga di Geneva, kelmarin. Satu salinan kertas kerja itu dikeluarkan di sini.

Munir berkata, pasaran derivatif Malaysia kini kekurangan kesungguhan dan mudah tunai, dan pertumbuhan kedudukan pembukaan dan jumlah dagangan di KLOFFE dan MME adalah sederhana sejak permulaan.

Pada purata, jumlah dagangan pasaran hadapan KLCI di KLOFFE adalah melebihi 300 kontrak sehari manakala jumlah dagangan minat pembukaan sehingga 31 Januari 1997 berjumlah 1,348 kontrak.

Sebagai peratusan daripada pasaran tunai, daripada segi nilai dagangan dan juta permodalan pasaran, ini merupakan kira-kira lima peratus daripada pasaran tunai, masih jauh daripada tahap di mana SC akan berpuas hati, tambahnya.

Munir berkata, di MME aktiviti dagangan telah meningkat perlahan-lahan dengan jumlah dagangan pasaran hadapan

KLIBOR tiga bulan berpurata kira-kira 270 kontrak sehari sejak urusniaga bermula dan kedudukan pembukaan sebanyak 2,452 kontrak sehingga 31 Januari 1997.

"Tanpa mudah tunai, para pelabur keberatan menggunakan bursa ini... tanpa penyertaan pelabur yang besar, bursa tidak akan berkembang, oleh itu, adalah penting kedua-dua MME dan KLOFFE mengatasi putaran ini," tambahnya.

Adalah dilaporkan kepada SC bahawa sebilangan sekatan kawalseliaan dan peraturan adalah antara beberapa halangan yang menyekat pencapaian tahap mudah tunai lebih tinggi.

Langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah itu termasuk menyusun semula rangka kerja kawalseliaan, memperkenalkan kaedah menggerakkan pasaran dan meningkatkan pendidikan untuk para pelaburan dan orang perantara.

Bagaimanapun, Munir mempertahankan bahawa kejayaan derivatif yang diniagakan di bursa di Malaysia adalah bergantung penting kepada penyertaan institusi-institusi tempatan, yang kini menyumbang cuma satu peratus daripada urus niaga yang dibuat di KLOFFE.

"Mereka adalah pelindung nilai biasa di mana-mana pasaran. Kecuali mereka menyertai dengan cergas, institusi-institusi asing tidak akan merasa selesa membabitkan diri, bukan dengan tahap dagangan dan minat pembukaan sekarang," katanya.

Beliau menambah kata bahawa usaha-usaha juga diperlukan untuk menjadikan bursa itu menarik kepada dana-dana pencen, amanah saham dan dana insurans, tempatan dan juga asing.

"Akhirnya, adalah penting bahawa keseluruhan mudah tunai berkembang tetapi di mana mudah tunai itu akan bergerak akan bergantung keseluruhannya kepada kuasa-kuasa pasaran dan kepada keselesaan para pelabur dengan ketelusan dan kewibawaan rangka kerja kawalseliaan," kata Munir. - Bernama.

UM
3/3/97